

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan prestasi dan pencapaian PETRONAS serta kegagalannya selama ini, sumbangannya kepada ekonomi negara dan adakah rancangan untuk menjual ekuiti PETRONAS pada masa hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA 1974) merupakan undang-undang yang diguna pakai dan dikuatkuasakan pada masa ini bagi tujuan cari gali petroleum di seluruh Malaysia.
2. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) adalah sebuah syarikat minyak milik negara (*national oil company*) dan bukannya *public listed company*. Meskipun bukan merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham, PETRONAS sentiasa telus dan telah lama mengambil inisiatif untuk melaporkan laporan prestasi kewangan dan operasi pada setiap suku tahun.
3. PETRONAS baru-baru ini telah mengumumkan prestasi kewangan dan operasinya bagi suku kedua tahun kewangan 2019, dimana pendapatan dan keuntungan bersih Kumpulan Syarikat (*PETRONAS*

*Group*) mencatatkan peningkatan berbanding pada tempoh yang sama pada tahun 2018. Prestasi baik yang konsisten ini telah dapat dilihat sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas, walaupun Kumpulan Syarikat sentiasa terdedah kepada cabaran kompleks ekonomi dunia. Keupayaan PETRONAS untuk menjana keuntungan berterusan telah membolehkan PETRONAS menyumbang kepada pembangunan negara. PETRONAS telah memulangkan hasil kepada pemegang saham khususnya Kerajaan Persekutuan dalam bentuk dividen, cukai, pembayaran tunai (*cash payments*) dan eksport duti.

4. Sehingga kini, PETRONAS telah mengembangkan operasi serta perniagaannya ke peringkat antarabangsa yang merangkumi lebih 20 negara di dalam sektor hulu. Ini merangkumi penglibatan dalam aktiviti penerokaan, pembangunan dan pengeluaran. Di samping itu, PETRONAS juga terlibat di dalam perniagaan sektor hiliran di lebih 90 negara yang turut merangkumi operasi penapisan minyak, penjualan dan pemasaran minyak pelincir, petrokimia, stesen runcit serta pemprosesan dan panyaliran gas asli.

5. Pada tahun 2018, jumlah pendapatan Petronas mencecah RM251 bilion dengan keuntungan selepas cukai sebanyak RM55.3 bilion. Operasi antarabangsa telah menyumbang sebanyak RM80.3 bilion atau 32 peratus daripada jumlah pendapatan PETRONAS.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan minyak dan gas merupakan industri yang mempunyai kepentingan strategik dan nilai komersil yang tinggi bagi Malaysia serta kritikal bagi memastikan jaminan tenaga negara, maka tiada sebarang rancangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memulakan sebarang urusan penyenaian syarikat ataupun penjualan ekuiti PETRONAS buat masa ini.

Sekian, terima kasih.